

## **KOMUNIKASI POSITIF DALAM PERKAHWINAN ORANG MELAYU BANDAR DI LEMBAH KLANG**

*(Positive Communication Among Married Urban Malays In Lembah Klang)*

Suzana Mohd Hoesni, Jamiah Manap, Ezarina Zakaria

### **ABSTRAK**

Komunikasi positif merupakan asas utama dalam sebuah perkahwinan yang teguh. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka bentuk komunikasi positif yang diamalkan oleh pasangan Melayu bandar di kawasan Lembah Klang. Pendekatan kualitatif grounded theory digunakan untuk memahami pola komunikasi positif. Data diperolehi menerusi temuramah separa berstruktur daripada 18 individu Melayu bandar yang tinggal di 10 lokasi yang dikategorikan sebagai kawasan membangun di daerah Lembah Klang. Selain temuramah, pemerhatian dan analisis dokumen juga telah dilakukan. Informan dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan iaitu berkahwin kali pertama dan berstatus berkahwin, tinggal sebumbung dan sekurang-kurangnya setahun berkahwin. Hasil kajian mendapati bahawa informan mengamalkan dua jenis komunikasi iaitu komunikasi bersemuka dan komunikasi teknologi. Komunikasi bersemuka didapati digunakan untuk mengeratkan perhubungan pasangan berkahwin iaitu dengan berjenaka, berkomunikasi secara positif dan menyelesaikan konflik. Komunikasi teknologi pula digunakan individu berkahwin untuk meluahkan cinta, berhubung dengan mesra, berkongsi ilmu dan menyelesaikan masalah. Informan juga melaporkan bahawa komunikasi yang positif meningkatkan kepuasan dalam perkahwinan. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini memberikan implikasi kepada ilmu bidang psikologi yang memfokuskan kepada perkembangan dalam perkahwinan yang spesifik kepada budaya Melayu. Kajian ini juga memberikan implikasi aspek praktikal yang spesifik kepada profesion menolong seperti kaunselor, pekerja sosial dan ahli terapi yang menguruskan kes yang berkaitan dengan pasangan yang berkahwin. Kajian pada masa akan datang perlu diperbanyakkan lagi daripada aspek perkahwinan dalam budaya lain khususnya budaya bukan Barat bagi membantu mempertingkatkan kualiti kehidupan pasangan orang berkahwin dalam budaya tersebut.

**Kata kunci:** Kepuasan Perkahwinan, Melayu Bandar, Keluarga, Komunikasi Perkahwinan, Komunikasi Positif.

### **ABSTRACT**

Positive communication serves as an important basis within a strong marriage. Thus, this study aims to explore the types of positive communication which are practiced by married Malays in Lembah Klang. Grounded theory and qualitative approach were applied to understand the positive communication patterns. Data were gained from semi structured interviews that were carried out among 18 married Malay individuals living in 10 developing locations within lembah Klang. Informants were chosen according to determined criterias which were married for the first time, and still with married, living in one house and at least married for one year. Findings indicated that informants practiced two types of

communication which are face-to-face communication and technology communication. Face-to-face communication was found to be applied to increase intimacy between spouses which includes humor, positive communication and conflict resolution. Technology communication was applied for married individuals to express love, connect intimately, sharing of knowledge and for conflict resolution. Informants also reported that positive communication increased marital satisfaction. Overall, this study gives implication to the field of developmental psychology which focuses on marital issues besides the West. This study also gives an implication practically to the helping professions such as counsellors, social workers, and therapists working with married couples. Future studies are suggested to explore more on marriage within non Western cultures in order to increase the quality of married couples within non Western cultures.

**Keywords:** marital satisfaction; urban Malays; family; marital communication; positive communication.

## **PENGENALAN**

Komunikasi positif dalam perkahwinan merujuk kepada interaksi yang sihat di antara pasangan suami-isteri (Tracy 2014). Ianya penting dalam membina keharmonian rumah tangga seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka komunikasi positif yang diamalkan oleh pasangan Melayu bandar. Kajian ini penting untuk memahami corak komunikasi positif dalam perkahwinan yang boleh dijadikan budaya dalam keluarga.

Pengkaji dalam bidang kaunseling dan komunikasi perkahwinan iaitu Gottmann dan Silver (1999), mendapati bahawa perbalahan dalam rumah tangga berpunca daripada komunikasi negatif yang wujud antara pasangan. Antara komunikasi negatif yang didapati mempunyai elemen negatif ialah kecenderungan pasangan untuk menegur dengan kasar, mengkritik sikap dan personaliti pasangan, memanggil pasangan dengan panggilan yang buruk, membuat gurauan yang menjengkelkan, menghina pasangan, bersikap defensif, enggan bercakap, tidak dapat mengawal emosi dengan baik, enggan memaafkan kesalahan, tidak mahu memperbaiki perhubungan dan memfokuskan memori buruk dalam perkahwinan.

Gottmann dan Silver (1999) kemudiannya mencadangkan tujuh prinsip dalam pengukuhan perkahwinan. Mereka telah memperincikan dengan jelas komunikasi positif yang disarankan bagi pasangan yang berkahwin. Prinsip-prinsip tersebut termasuklah 1) meningkatkan peta cinta, 2) menanamkan rasa kasih dan cinta kepada pasangan, 3) saling bergantung di antara satu sama lain, 4) membenarkan pasangan mempengaruhi diri, 5) menyelesaikan masalah yang boleh diselesaikan, 5) mengatasi segala kesukaran yang dihadapi dan akhir sekali adalah 7) membina satu makna dalam perkahwinan yang dapat dikongsi bersama pasangan suami dan isteri.

Sehubungan dengan itu telah timbulnya banyak kajian lepas yang mengkaji tentang aspek yang ditekankan oleh Gottman dan Silver (1999). Terdapat banyak kajian lepas yang menekankan kepentingan komunikasi yang positif dalam sesebuah perkahwinan (Biesen, Schooler & Smith, 2015; Furukawa, Driessnack, & Kobori, 2017; Lavner, Karney & Bradbury, 2016; Tavakolizadeh, Nejatian & Sooric, 2015 and Tracy 2014). Kewujudan komunikasi yang positif merupakan salah satu kriteria yang kritikal dalam mewujudkan perkahwinan yang sihat. Menyedari kepentingan ini, sekumpulan pakar perkahwinan telah

mencadangkan komunikasi sebagai salah satu faktor dalam model perkahwinan sihat (Moore et al., 2004). Mereka mencadangkan bahawa komunikasi yang positif ini adalah penting kerana memberikan impak yang positif kepada perkembangan anak-anak dalam keluarga tersebut.

Kepentingan kemahiran komunikasi dalam perhubungan rapat didapati sangat penting bagi menjamin kestabilan perhubungan jangka panjang. Dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh Cohan dan Kleinbaum (2002) mendapati komunikasi negatif dalam perkahwinan merupakan satu faktor kepada ketidakstabilan perkahwinan. Kemudian, kajian yang dijalankan oleh Fincham dan Beach (2002) juga menunjukkan bahawa nilai-nilai positif dalam berkomunikasi juga memainkan peranan dalam mewujudkan komunikasi yang positif. Hasil kajian mendapati bahawa sifat pemaaf meningkatkan komunikasi positif dalam perkahwinan. Sifat pemaaf amat diperlukan dalam perkahwinan kerana setiap pasangan cenderung melakukan kesalahan kepada pasangannya sama ada secara sengaja atau tidak sengaja. Kajian tersebut juga mendapati, ketidaksediaan untuk memaafkan pasangan dalam perkahwinan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kekasaran tingkah-laku di antara pasangan. Johnson dan Bradley (2009) dalam kajiannya mendapati bahawa komunikasi memainkan peranan yang teramat penting dalam membantu pasangan mencapai kepuasan dalam sesuatu perhubungan. Komunikasi juga merupakan satu aspek yang penting dalam menentukan hasil kepada perhubungan rapat yang terbina. Dapatan ini mengukuhkan keperluan berkomunikasi secara positif dalam perhubungan jangka masa panjang terutamanya dalam perhubungan perkahwinan.

Selain itu, salah satu kajian yang mencadangkan kepentingan komunikasi dalam kestabilan dan ketahanan dalam perkahwinan telah dijalankan oleh Markman, Rhoades, Stanley, Ragan dan Whitton (2010). Mereka mengkaji perkahwinan bagi pasangan yang berusia lima tahun yang pertama selepas melangsungkan perkahwinan. Pola komunikasi telah dikaji sejak sebelum berkahwin sehingga pasangan melangsungkan perkahwinan. Kajian mendapati bahawa komunikasi yang negatif telah meramalkan perceraian dalam kalangan pasangan yang berkahwin. Dapatan kajian juga mencadangkan bahawa pasangan yang kurang tekanan mempunyai pola komunikasi yang lebih positif berbanding dengan pasangan berkahwin yang mengalami tekanan.

Mark dan Jozkowski (2013) telah menunjukkan bahawa kurangnya berkomunikasi dengan pasangan dan wujudnya komunikasi yang bersifat negatif telah dikaitkan dengan pasangan yang sentiasa dalam keadaan tertekan, perhubungan yang berkonflik dan jarak psikologi dalam sesebuah perhubungan. Sehubungan itu, Tambling, Wong dan Anderson (2014) juga mendapati bahawa kemahiran untuk berkomunikasi antara pasangan dengan rasa tenang dan penuh hormat kepada pasangan merupakan antara cara yang sihat bagi menangani konflik dan memperbaiki perhubungan antara pasangan. Terdapat juga kajian oleh Molodi, Shayanmehr dan Niri (2015) yang telah dijalankan dan mendapati bahawa bagi mencapai kualiti komunikasi yang baik dalam perkahwinan, terdapat beberapa elemen penting yang perlu wujud dalam sesebuah perkahwinan. Antara yang didapati berkait secara langsung adalah komitmen daripada kedua-dua pasangan dalam perkahwinan dan mendapatkan intervensi psikologi.

Hasil daripada penelitian kajian lepas, didapati komunikasi positif merupakan salah satu aspek yang kritikal dalam mengukuhkan institusi perkahwinan. Bukan sahaja ia dapat mengukuhkan lagi kelangsungan sesebuah perkahwinan, tetapi ia juga merupakan aspek

penting dalam mewujudkan keharmonian sesebuah perkahwinan. Walaupun kepentingan komunikasi telah ditekankan dalam kajian lepas, terdapat kekurangan kajian lepas dalam bidang psikologi yang memfokuskan kepada aspek perkahwinan di Malaysia dan di rantau negara Asia Tenggara. Sehubungan itu, tujuan kajian ini adalah untuk meneroka komunikasi positif yang wujud dalam kalangan pasangan Melayu yang berkahwin di Lembah Klang, Malaysia.

## **METOD KAJIAN**

Kajian dilaksanakan menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan *grounded theory* seperti yang dicadangkan oleh Smith (2015). Seramai 18 orang individu yang berkahwin berbangsa Melayu dan tinggal di 10 lokasi yang dikategorikan sebagai kawasan membangun di daerah Lembah Klang telah bersetuju untuk turut serta dalam kajian ini.

Informan kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan seperti yang dicadangkan oleh Langdridge dan Hagger-Johnson (2013). Informan yang memenuhi kriteria berikut iaitu berbangsa Melayu, beragama Islam dan tinggal di kawasan Lembah Klang, berkahwin untuk kali pertama, telah berkahwin sekurang-kurangnya dalam tempoh masa setahun dan masih berstatus berkahwin dan tinggal sebumbung. Tempoh masa perkahwinan terbahagi kepada tiga fasa iaitu : 1) kurang daripada 5 tahun, 2) 6 hingga 19 tahun dan 3) 20 tahun dan ke atas. Kriteria ini ditetapkan bagi memahami pengalaman pasangan yang berkahwin seperti yang pernah dicadangkan oleh kajian lepas dalam bidang kajian perkahwinan.

Sebelum temuramah dijalankan, penemubual mengedarkan borang persetujuan bermaklumat kepada informan kajian. Informan dibenarkan untuk menarik diri pada bila-bila masa dan segala maklumat informan hanya digunakan untuk tujuan kajian. Pengkaji turut memberi wang saguhati dan cenderahati kepada informan yang terlibat dalam kajian sebagai penghargaan terhadap sumbangan yang diberikan. Temubual separa berstruktur dijalankan dalam bahasa Melayu. Semua temubual direkodkan menggunakan perakam audio digital dan ditranskripsi ke dalam bentuk dokumen *Microsoft Word*. Kesemua transkripsi data dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis tematik seperti yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006). Pengkaji juga telah mengambil pendekatan membandingkan kod pengkaji seperti yang dicadangkan oleh Smith (2015) bagi meningkatkan validiti data yang dianalisis.

## **KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN**

Sejumlah 18 orang peserta terlibat dalam kajian ini. Daripada bilangan tersebut, lapan daripadanya adalah peserta lelaki manakala selebihnya adalah peserta perempuan. Para peserta terdiri daripada pelbagai latar belakang iaitu samada bekerja di sektor kerajaan, swasta, bekerja sendiri, pelajar atau surirumah sepenuh masa.

Kajian mendapati masyarakat Melayu Bandar di Lembah Klang mengamalkan komunikasi positif dengan pasangan. Amalan ini menjadi satu daripada faktor utama yang menyumbang kepada kepuasan dalam perkahwinan mereka. Komunikasi positif dalam kajian ini terbahagi kepada dua jenis komunikasi iaitu komunikasi bersemuka dan komunikasi menggunakan teknologi.

## **Komunikasi Bersemuka**

Komunikasi bersemuka merangkumi interaksi pasangan yang berlaku dengan kehadiran pasangan secara fizikal. Komunikasi bersemuka yang positif mengandungi nilai humor atau jenaka, bersifat positif dan menjadi medium pelepasan konflik dalam rumah tangga.

### **Humor dalam komunikasi bersemuka**

Pasangan dalam kajian ini menggunakan lawak jenaka dan unsur humor ketika berkomunikasi. Ini menjadikan komunikasi ini juga bersifat ceria dan tidak hambar. Usik mengusik ketika berkomunikasi dengan pasangan dan anak-anak mengeratkan lagi kasih-sayang. Mereka juga tidak menggunakan bahasa yang kesat dan menyinggung perasaan. Informan 9 sebagai contohnya, menggunakan humor untuk memperingati tarikh penting dalam keluarga, menunjukkan kasih-sayang dan keprihatinan, menyatakan pandangan dan memberi respons kepada pasangan secara santai.

“..macam harijadi saya, dia selalu ingatkan anak-anak bulan ni ada apa eh? Anak-anak kata lah..ada, ada hari jadi ibu, ayah tak ingat ke. Alaa, ayah lupa. Tapi dia petik tu, sebenarnya untuk highlightkan birthday kita.” (Informan 9, m/s. 24).

“... bonus, apa ni...” kadang kak kata “bang, daripada beli entah apa-apa kan, mari sini. Nak beli gelang sampai ke siku.” Lepas tu suami akak cakap apa, “Nak? Rantai monyet nak?” (Informan 9)

Informan 17 menggunakan humor untuk menyatakan kritikan, meluahkan perasaan dan menggalakkan pasangan berkomunikasi.

“Bang rambut ni kerat eyh bang?” Dah macam macam orang sakit je kan. Makna dia itu antara ketara la kan.” (Informan 17)

“Kadang saya cakap sunyi pulak mama hari ni diam je selalu dia bercakap tu riuh la sikit. Hari ni macam basi je”. (Informan 17)

### **Respons positif dengan pasangan**

Pasangan saling berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang positif antara satu sama lain. Bahasa yang positif termasuklah bahasa badan, ayat yang menyokong, mengelakkan bahasa kasar serta tuduhan, bahasa yang menyinggung perasaan pasangan dan menggunakan panggilan manja.

Pasangan kepada Informan 3 sentiasa memberi respons yang positif walaupun dalam keadaan tegang dan berkonflik. Sebelum keluar dari rumah ia tetap menunjukkan kasih-sayang dengan kata-kata yang baik dan kucupan mesra.

“Walau dia bergaduh dia dengan saya.. sebelum pergi kerja dia akan datang jumpa kita. Dia akan cakap, abang nak pergi kerja. Maksudnya, kasih sayang dia tu dia tunjuk. Macam sekarang kan, dah ada anak kan? Anak dia, dia cium, kita pun dia cium. Baru dia pergi kerja. Walaupun dalam keadaan yang marah” (Informan 3)

Pasangan kepada informan 3 juga suka memuji masakan dan barangan yang dipilih olehnya. Ini menjadikan, Informan 3 berasa sangat dihargai sebagai seorang isteri.

“Ucapan tu salah satu yang perempuan ni suka. Pujian, perempuan kan suka macam tu. Macam suami saya ni kan, bila dia makan something kan, “ouh sedapnya umi masak.” Kalau kita beli apa pun, “ouh cantiknya umi yang ni.” Kita rasa kita tu dihargai, haa sebab ucapan tu kan?” (Informan 3)

Beliau juga sentiasa memberikan maklumat terkini terhadap situasi kerjayanya agar isterinya tidak berasa bimbang. Ini bermakna, ia sentiasa telus dalam perhubungan dan hal ini membolehkan informan lebih memahami kerjaya suami serta membina rasa percaya yang tinggi.

“Tapi dia akan bagitau saya dulu. Kalau dia balik lambat kerja pun dia akan telefon “Umi, abang lambat sikit. Ada kerja ni”. Makna kita pun tak adalah risau kan?” (Informan 3)

Respons yang positif juga ditunjukkan oleh pasangan Informan 3 dengan kesediaan untuk meminta maaf sekiranya beliau melakukan kesilapan. Ini menunjukkan keterbukaan pasangan Informan 3 dalam memperbaiki diri sendiri dan membentuk iklim hubungan yang positif dalam keluarga.

“Lepas tu satu lagi sikap dia bila dia rasa dia bersalah tu, dia cepat-cepat minta maaf kat kita.” (Informan 3)

Informan 4 mengamalkan komunikasi positif dengan menghargai pemberian pasangan dan mengambil berat terhadap kebajikan pasangan.

“... Kita pulak “ouh dia bagi”. Dia bagi, kita balik “ouh terima kasih”. Apa semua, apa semua, dah makan ke belum ...” (Informan 4)

Informan 5 pula bijak mengawal emosi untuk meredakan ketegangan dalam berinteraksi dengan pasangan. Kemarahan pasangan tidak dibalas dengan kemarahan untuk mengelakkan keadaan menjadi lebih buruk. Beliau memberi ruang kepada pasangan untuk meluahkan perasaan dan menenangkan fikiran sebelum berinteraksi semula dengan pasangan.

“Cuma dari segi kalau macam pertengkaran tu saya lebih kepada side yang suka macam tak ambil tahu, macam saya fikir kalau dia marah saya pun marah, pertengkaran tu akan jadi macam lebih lama. So saya jenis yang lebih macam erm, wife marah ke apa, biarlah dia cakap saya buat tak tahu je kan (gelak) nanti setengah jam, sejam dua nanti saya duduk borak balik.” (Informan 5)

Informan 8 dan pasangannya mengamalkan perbincangan dalam pembuatan keputusan. Hal ini membawa kepada persefahaman yang tinggi dan pembuatan keputusan yang lebih baik. Mereka juga sentiasa saling meluahkan perasaan cinta, kasih dan rindu. Hal ini membuatkan pasangan berasa lebih disayangi dan mengeratkan lagi perhubungan.

“Nak buat keputusan mesti discuss. Sentiasa ucapkanlah sayang ke, rindu ke, cinta ke, selalunya dia lah.” (Informan 8)

Informan 8 juga mengutamakan ketelusan kita dalam perhubungan. Hal ini dapat mengelakkan salah faham dan memahami kehendak dan keperluan pasangan dengan lebih jelas.

“Komunikasi lah, apa yang kita nak, pasangan kita nak. Kena, kena jelas. Tak boleh simpan dan sentiasa nak buat apa-apa mesti kena bagitahu.” (Informan 8)

Informan 9 dan pasangannya juga mengendalikan emosi dan permasalahan dengan baik. Ia merenung dan memikirkan masalah dengan baik. Pasangan informan 9 pula bertindak-balas dengan positif iaitu memberi ruang kepada pasangan untuk berfikir dan berusaha membantu pasangan meleraikan permasalahan tersebut melalui interaksi bersemuka. Peleraian masalah diikuti dengan permohonan maaf yang melambangkan kesediaan untuk saling bertolak-ansur dan melakukan penambahbaikan.

“Bila saya ada masalah saya diam, saya termenung. Dia biar, dia biarkan dulu. Lepas tu dia akan panggil, duduk bersama kita, ni, ni. Dia tanya, lepas tu, macam saya pulak, memang saya seorang yang mulut bising tapi yang saya pegang dan itu juga yang diamanahkan oleh arwah mak kita, bila kita dah sejuk, minta maaf balik dengan suami kita.” (Informan 9)

### **Kebijaksanaan mengendalikan konflik**

Konflik dalam rumahtangga tidak dapat dielakkan. Namun, pasangan suami isteri dalam kajian ini tidak membiarkan konflik dalam rumahtangga berpanjangan. Mereka menggunakan komunikasi sebagai alat untuk menyelesaikan konflik dengan baik. Hal ini membolehkan pasangan mengekalkan kelangsungan perkahwinan mereka. Pasangan informan 1 dan informan 3 mengambil pendekatan berterus-terang dan menjelaskan punca atau alasan kepada sebarang pembuatan keputusan yang dibuat. Ini dapat mengelakkan pasangan berasa tersinggung atau berkecil hati.

“Kalau kita tak larat, kita bagi alasan dengan cara baik. Dia faham. Setakat ni, dia pun faham.” (Informan 1)

“Dia tak setuju, dia akan cakaplah. Tak boleh ni. Dia akan bagitahu.” (Informan 3)

“Tapi kalau dia tak boleh dia akan bercakap. “Abang tak boleh pergilah, abang ada kerja.” Dia tak ada terus tolak, “Ouh tak boleh pergi.” (Informan 3)

“Aa, maksudnya alasan dia. Dia tak akan cakap “haa, ni tak boleh pergi, ni, ni, ni...” (erm, erm) dia akan bercakap secara, kita tak terasa hati. Haa.” (Informan 3)

Teguran kepada sebarang kesilapan pula dilakukan dengan cara yang lembut dan berhikmah. Informan 3 sebagai contohnya mengelakkan penggunaan bahasa yang kasar dan nada suara yang tinggi. Beliau fokus untuk menyampaikan isu penting tanpa merendahkan atau menghina pasangan.

“Tapi kalau dia salah, kita boleh tegur. Tapi tegur dengan cara yang betul. Jangan kita tegur tengking-tengking, marahlah dia kan? Komunikasi tu pentinglah.” (Informan 3)

“Jangan kita kata “alah engkau dahlah gaji kecik, aku yang dok tanggung kau”. Kita tak boleh cakap macam tu, ... kita kena cakap elok-elok. “Abang, macam ni, macam ni.” “Abang carilah.. macam ni, tanggungjawab.” Makna dengan cara yang lembut. Bukannya kasar-kasar tu.” (Informan 3).

Informan 4 pula menggunakan pendekatan mendengar pendapat pasangan sebelum memberikan pendapatnya sendiri.

“Tapi suami akak ni, akak boleh kategorikan dia sebagai seorang yang jenis pemaaf dan dia bukan nak cari kesalahan kita. Bila kita diam, dia akan tanya (erm, kenapa) apa salah abang? Dia akan tanya macam tu kan (erm, erm) ok.” (Informan 3)

“... saya akan lagi banyak dengar dan biar dia, biar dia orang kata biar dia cakap dulu, cakap dulu apa yang dia nak cakap, kalau saya rasa decision dia tu macam “eh,” kalau kit a rasa “eh”... baru kita bagi pendapat...” (Informan 4)

Informan 7, informan 9, informan 14 dan informan 17 juga mengambil pendekatan berterus-terang terhadap sebarang perkara yang berkait dengan kehidupan berkeluarga. Setiap perkara diselesaikan secara bersemuka.

“Kalau tak puas hati cakap... in any kind of any expect of marriage baik jaga anak, baik kerja dia busy, baik hal-hal lain kan, kita confront.” (Informan 7)

“Saya rasa macam, saya perlu, sebab saya diajar berterus terang. So saya cakap pada dia apa yang saya tak suka dan apa yang dia tak suka pada saya.” (Informan 15)

“... so kita bercakap berterus-terang dengan dia. Kita kata ‘abang ada satu perkara yang abang nak cakap dengan awak ni. Perangai awak macam ni kalau boleh jangan)

“Sebab tu saya kata kita kena, satu lagi dalam kita rumah tangga ni terbuka. Haa jangan kita malulah nak tanya. Haa, tak ada. Haa, kak ita dengan suami saya, konsep terbuka. ... Haa, kalau saya masak kan, “haa, sedap tak bang?” Dia diam je kan. “Sekarang saya nak tanya, sedap ke tak sedap.” Dia kata “bukan tak sedap, tapi ni, ni, ni...” Kita pun kena terbuka terima.” (Informan 9)

“Sometimes kita bergaduh ke apa ke, cepat-cepat minta maaf. Memang tak pernah lamalah, tak pernah lebih dari sehari.” (Informan 8)

“Jadi kalau buat keputusan tu mesti sama-samalah. Apa yang erm, aku tak tahu, aku refer, aku serah dekat dia. Kalau aku tahu, macam dapur, hal dalam rumah, nak warna apa nak beli yang mana semua tu.” (Informan 8)



“Ok masa tu dia tanya aku, erm macam mana. ... Haa, macam tu lah. Maksudnya benda tu mesti ada suara la what’s up pendapat kan. Dia tak ada “ok, tak boleh ni. Mesti ikut.” Tak ada. Dia tak pernah macam tu.” (Informan 8)

Pasangan informan 15 menggunakan pendekatan meminta maaf sebagai kaedah untuk menjernihkan konflik yang berlaku.

“... dia seorang yang cepat meminta maaf sama ada saya yang buat salah. Atau kalau dia memang ni lah, ada buat salah dengan saya ke kan.” (Informan 15)

### **Komunikasi Menggunakan Teknologi**

Kepesatan teknologi maklumat memberi kelebihan kepada pasangan suami isteri untuk berkomunikasi dengan lebih efektif dan efisien. Kemudahan teknologi membolehkan pasangan suami isteri meneruskan komunikasi bersemuka seperti mengadakan humor dalam berkomunikasi, memberikan respons positif dengan pasangan dan bijaksana mengendalikan konflik. Pasangan suami isteri juga dapat terus membina komunikasi positif dengan menggunakan teknologi maklumat seperti media sosial dan jaringan sosial, mengekspresikan cinta dan merapatkan hubungan antara satu sama lain. Hal ini menjadikan hubungan perkahwinan menjadi lebih intim dan bermakna.

### **Komunikasi Cinta**

Pasangan menggunakan media sosial untuk meluahkan rasa cinta, kasih sayang dan penghargaan terutamanya ketika berjauhan. Informan 1 dan pasangannya memanfaatkan imej dan karya-karya daripada internet untuk menyatakan rasa cinta dan mengusik pasangan. Dengan itu, kesibukan dengan tugas harian di pejabat dan di rumah tidak menggugat keintiman pasangan.

“Macam benda yang boleh dicopy dekat internet, gambar-gambar, love-love ke apa, dia send dekat kita. Tengok-tengok hantar... benda-benda, macam tu lah. Ayat, biasalah sekarang ni kan ayat edit, yang letak picturelah. Benda macam tu biasalah, dia hantar. (erm, erm) kadang-kadang kita pun, tahu dia busy kan, hantar icon love ke? Macam tulah (macam...) kadang-kadang benda simple macam tu pun, ouh... (sukalah, gembira) daripada pagi sampai tengah hari dia tak whatsapp kita kan? Busy sangat ni, kadang-kadang kak yan akan dapat icon love ke, gambar kartun cium-cium ke (aah, aah) benda-benda macam tu kelakarliah. Benda macam tu tak ada apa pun, icon dengan gambar pun boleh buat dia wahh, macam tu lah.” (Informan 1)

Informan 8, 9 dan 12 menggunakan teknologi untuk sentiasa berhubung dengan pasangan. Mereka saling memberitahu perkembangan semasa seperti lokasi dan kedudukan geografi. Hal ini dapat menghindari syak wasangka di samping dapat memastikan bahawa pasangan sentiasa dalam keadaan selamat. Ianya penting terutamanya bagi pasangan yang tinggal berjauhan (perkahwinan komuter).

“Erm, macam sekarang pun kalau kehidupan 24 jam tu mesti ada depan mata. Mesti, nak buat sesuatu mesti inform. Nak pergi mana-mana mesti inform. Macam tu.” (Informan 8).

“Ya, kadang-kadang, misal kata ada dia pergi kursus kan, ada dia pergi kursus. Ok, dia free erm, pukul 6, 6 ke 6.30 tu dia akan call. Suami kak ita kalau pergi kursus ke mana kursus ke, dia jadi urus setia ke, pukul 6 tu, 6 atau 6.30, dia memang akan call. ... . lepas tu karang antara pukul 6, 5, 6, 6 ke 8 malam ni waktu makan malam tu dia akan call. Itu memang... . . . . Kalau dia call, call lah. Kadang mesej juga. Kalau dia tak dapat call kadang kan, kadang misal kata macam ada kelas kan dia mesejlah. “sorrylah. Tadi tak call”. haa, “abang tadi ni, lambat sikit. Ni kat kelas ni.” (Informan 9)

“... ataupun saat dia contohnya macam saya terpaksa berjauhan dengan keluarga, contohnya saya berkursus di luar kawasan yang jauh. Jadi, kadang-kadang saya akan menelefon walaupun di tengah-tengah malam.” (Informan 12)

Penyataan cinta dan rindu kepada pasangan mengeratkan kasih-sayang. Informan 8 dan 17 memanfaatkan teknologi untuk saling berhubung dengan pasangan dan menyatakan kasih-sayang.

“Rindu sayangnya.” Dia selalu sms, kadang chatting apa semua, telefon. Mesti adalah, tak pernah miss satu hari.” (Informan 8)

“Kadang kita bagi jugak... kita cakap tu ‘I love you’ kan. Macam dia selalu cakap ‘okay darling’. Kadang saya pun lah ‘okay my love’. Ada. Memang ada saya memang buat macam tu. Dia panggil saya ‘okay darling man’ ‘mama darling man balik.’ (Informan 17)

## **Ilmu kekeluargaan**

Media sosial dan jaringan sosial juga menjadi medium bagi pasangan untuk saling berkongsi dan meningkatkan ilmu kekeluargaan. Hal ini membolehkan penambahbaikan sentiasa berlaku dalam keluarga. Dalam erti kata lain, kualiti hidup berkeluarga sentiasa meningkat dari masa ke semasa kerana adanya pembudayaan ilmu dalam keluarga.

“Sebab kak pun suka membaca. Jadi banyaklah beli buku rujukan, sebab kadang-kadang beli, orang kata menuntut ilmu, beli buku pun. Kita memang ada CD kan? CD ceramah ustaz semua kan, kita dengar CD sama-sama dengan dia lah. Jadi masing-masing tahu macam ni, macam ni, orang lelaki tahu tak boleh buat macam ni, suami tak boleh, macam isteri tak boleh macam ni. Buku pun macam tu jugak. Kak yan suka beli buku kan? Beli buku macam-macam. Dia pun kadang-kadang highlight benda penting. Tunjuk dekat dia. Haa, baca eh yang ni. Memang dia pun tak suka membaca, kak yan suka membaca. Bila kak yan baca, kak yan highlight yang penting-penting kak yan tunjuk dekat dia. Erm, yang ni, ni.” (Informan 1)

“Maknanya kita kena ada ilmu lah. Ilmu, kita ambil peluang yang ada, kita search dekat internet yang elok dengan yang tak elok.” (Informan 1)

### Hubungan mesra

Teknologi turut menjadi medium pasangan dalam meningkatkan hubungan mesra melalui interaksi yang lebih kerap, kreatif dan bermakna.

“... Kahwin dah sembilan tahun kan. Never fail to call me every morning, tengah hari and malam lah balik kerja. Even kalau gaduh macam mana pun dia still akan call tapi macam kurang lah frekuensi dia kan...” (Informan 7)


“Gajet kan lebih mengeratkan sebab bila kita pergi mana-mana, isteri akan hubungi kita. Macam soalan tadi kenapa dia sayang kita ‘bang kenapa balik lambat’. Ini satu benda yang biasa isteri tanya.” (Informan 17)

### Menyelesaikan masalah

Media sosial juga dapat membantu pasangan dalam menyelesaikan masalah yang tidak dapat diselesaikan secara bersemuka. Media sosial membolehkan mesej yang disampaikan bersifat lebih jelas dan menyokong komunikasi bersemuka. Pseudokonflik sering berlaku dalam rumahtangga akibat komunikasi yang tidak telus dan samar dalam perhubungan.

“Kalau whatsapp, kita mesej jela. Kadang-kadang, macam kami, kalau berselisih faham ke apa. Kadang-kadang bila bercakap ni, tak terkeluar tau. Tapi, erm whatsapp, mesej ke, atau guna fb ke, ni lah, private lah. Kita akan menyatakan tak puas hati ke, geram, sakit hati ke dekat situ. Dah habis dekat situ, habis. Dekat berdepan ni macam tak ada apa-apa. Macam ok, ok baliklah maksudnya. Ok, meluahkan perasaan tu tak boleh face to face.” (Informan 8)

Secara keseluruhan, kajian yang dijalankan ini dapat rumusan bagi dapatan daripada kajian ini dapat digambarkan dalam Rajah



Rajah 1: Komunikasi Positif Dalam Perkahwinan Orang Melayu Bandar Di Lembah Klang

## RUMUSAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini memberikan implikasi kepada ilmu dalam bidang psikologi perkembangan manusia yang memfokuskan isu perkahwinan yang khusus kepada budaya Melayu di Malaysia. Kajian ini juga mampu memberikan implikasi aspek praktikal yang spesifik kepada profesion menolong seperti kaunselor, pekerja sosial dan ahli terapi yang menguruskan kes yang berkaitan dengan pasangan yang berkahwin. Kajian pada masa akan datang perlu diperbanyakkan lagi daripada aspek perkahwinan dalam budaya lain khususnya negara Asia Tenggara bagi membantu mempertingkatkan kualiti kehidupan pasangan orang berkahwin di kawasan tersebut.

## RUJUKAN

- Biesen, J.N., Schooler, D.E. & Smith, D.A. 2015. What a Difference a Pronoun Makes: I/We Versus You/Me and Worried Couples' Perceptions of Their Interaction Quality. *Journal of Language and Social Psychology*. 35(2), 180 – 205.
- Braun, V. & Clarke, V. 2006. Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77-101.
- Cohan, C.L. & Kleinbaum, S. 2002. Toward a greater understanding of the cohabitation effect: premarital cohabitation and marital communication. *Journal of Marriage and Family*, 64, 80–192
- Fincham, F. D. & Beach, S. R. H. 2002. Forgiveness in marriage: Implications for psychological aggression and constructive communication. *Personal Relationship*, 9, 239-251.
- Furukawa, R., Driessnack, M. & Eiko Kobori, E. 2017. The Impact of a Video-Mediated Communication on Separated Perinatal Couples in Japan. *Journal of Transcultural Nursing*. 3(1), 19-24.
- Gottman, J.M. & Silver, N. (2000). *The seven principles for making marriage work: A practical guide from the country's foremost relationship expert*. New York: Three Rivers Press.
- Johnson, S., & Bradley, B. (2009). Emotionally focused couple therapy: Creating loving relationships. In J. H. Bray, M. Stanton (Eds.) , *The Wiley Blackwell Handbook of Family Psychology*, pp. 402-415. London: Wiley Blackwell.
- Langdrige, D. & Hagger-Johnson, G. (2013). *Introduction to research methods and data analysis in psychology*. (Edisi ke-3). Singapore: Pearson.
- Lavner, J. A., Karney, B. R. and Bradbury, T. N. 2016. Does Couples' Communication Predict Marital Satisfaction, or Does Marital Satisfaction Predict Communication? *Journal of Marriage and Family*, 78, 680–694.
- Mark, K. P., & Jozkowski, K. N. 2013. The mediating role of sexual and nonsexual communication between relationship and sexual satisfaction in a sample of college-age heterosexual couples. *Journal of Sex & Marital Therapy*, 39(5), 410-427.
- Markman, H.J., Rhoades, G.K., Stanley, S.M., Ragan, E.P. & Whitton, S.W. 2010. The premarital communication roots of marital distress and divorce: The first five years of marriage. *Journal of Family Psychology*, 24(3), 289–298.
- Molodi, A., Shayanmehr, E.K & Niri, F.G. 2015. *International Journal of Psychology and Behavioral Research*, 4(3), 285-289.
- Moore, K. A., Jekielek, S. M., Bronte-Tinkew, J., Guzman, L., Ryan, S. & Redd, Z. (2004). What is “healthy marriage”? Defining the Concept. Child Trends Research Brief.

[http://www.childtrends.org/Files//Child\\_Trends-2004\\_9\\_1\\_RB\\_WhatIsHealthyMarr.pdf](http://www.childtrends.org/Files//Child_Trends-2004_9_1_RB_WhatIsHealthyMarr.pdf)

- Smith, J.A. (2015). *Qualitative psychology: A practical guide to research methods*. (Edisi ke 3). London: Sage Publications.
- Tambling, R. B., Wong, A. G., & Anderson, S. R. 2014. Expectations about couple therapy: A qualitative investigation. *American Journal of Family Therapy*, 42(1), 29-41.
- Tavakolizadeh, J. & Nejatian, M. & Sooric, A. 2015. The Effectiveness of Communication Skills Training on Marital Conflicts and its Different Aspects in Women. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 171, 214-221.
- Tracy, S.J. 2014. Positive communication in health and wellness, *The Journal of Positive Psychology*. 279-280.

<sup>1</sup>Suzana Mohd Hoesni, <sup>2</sup>Jamiah Manap, <sup>3</sup>Ezarina Zakaria  
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor  
Emel: smh@ukm.edu.my; jamiah@ukm.edu.my; ezaz@ukm.edu.my